# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SABTU 23 NOVEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3.<br><br>4.<br><br>5. | MASA DEPAN MAKANAN SEGERA, BICARA EKSKLUSIF, WILAYAH KU -6<br>LEBIH 50 PERATUS MESRA RAKYAT DIBELANJAKAN UNTUK BIDANG PENDIDIKAN, NEWS, BERNAMA -4<br>LEBIH 50% PERUNTUKAN MESRA RAKYAT DIBELANJAKAN UNTUK PENDIDIKAN, KATA SIM, NEWS, THE MALAYSIA INSIGHT -10<br>BAN ON IMPORT OF PORK, PORK PRODUCTS FROM NATIONS WITH ASF EPIDEMIC, NEWS, NEW SARAWAK TRIBUNE -10<br>NO INTERFERENCE IN AWARDING OF CONTRACTS BY GRICULTURE MINISTRY, SAYS SIM, NEWS, MAKKAL OSSAI -6 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 6.<br>7. | HPPNK 2019, WILAYAH KU -5<br>HPPNK 2019, SH -3 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 8.<br>9.<br>10.<br><br>11.<br><br>12.<br><br>13.<br><br>14.<br><br>15.<br><br>16.<br><br>17.<br><br>18.<br>19.<br><br>20.<br><br>21. | NAFAS JAWAB TUDUHAN KA SIONG, MUKA DEPAN, BH -1<br>BELA NASIB 920,000 AHLI NAFAS, NASIONAL, BH -8<br>TENDER: ADA PEGAWAI SABOTAJ SALAHUDDIN – KHALID, NEWS, MALAYSIA GAZETTE -10<br>ISU TENDER NAFAS: JANGAN SEMUA PERKARA NAK DIPOLITIK, NEWS, ISMAWEB -8<br>URUSAN PEMBERIAN TENDER KEPADA NAFAS BELUM MUKTAMAD, NEWS, BERITA RTM -7<br>MENTERI PERTANIAN DISABOTAJ ATAU PEGAWAI KERAJAAN DIKAMBING HITAM?, NEWS, HARAKAHDAILY -5<br>AGRICULTURE MINISTER DENIES INVOLVING IN CORRUPTION, NATION, SIN CHEW DAILY -8<br>SALAHUDDIN SAYS SUPPLY CONTRACT STILL UNDER OPEN TENDER, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A22<br>URUSAN PEMBERIAN TENDER KEPADA NAFAS BELUM MUKTAMAD – SALAHUDDIN, NEWS, ASTRO AWANI -7<br>TENDER NAFAS: SALAHUDDIN MENGAKU TULIS SURAT SOKONGAN KEPADA TUN M, NEWS, MALAYSIA GAZETTE -10<br>NAFAS HASN'T WON CONTRACT YET – SALAHUDDIN, NEWS, HEAD TOPIC -7<br>TENDER PROCESS TO AWARD CONTRACT TO NAFAS NOT FINALISED YET – SALAHUDDIN, NEWS, EDGE MARKETS -10<br>SALAHUDDIN ADMITS ASKING DR M TO AWARD RM1.4B PROJECT TO FARMER'S GROUP, NEWS, MARTIN TF WONG -10<br>SALAHUDDIN: RM1.4BIL CONTRACT NOT FINALISED YET, NATION, THE STAR -10 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 22.<br>23.<br>24. | BOT NELAYAN TEMPATAN DITAHAN, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -11<br>JAIL, FINE FOR HAVING BOMBED FISH, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -6<br>TWO FISHERMEN FINED RM5,000, JAILED THREE MONTH'S EACH FOR FISHING BOMBING, HOME, NEW SABAH TIMES ENGLISH (KK) -7 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 25. | MINISTRY OF AGRICULTURE TO MEET UP WITH FRUIT AND VEGETABLE EXPORTERS OVER PERMIT FEE HIKE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A1,A3 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 26. | MOHON NAIKKAN JUMLAH INSENTIF, SINAR NEGERI JOHOR, SH -36 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 27.<br><br>28. | TWO SEASONS PER YEAR MRQ98 PADDY VARIETY OFFICIALY LAUNCHED, NEWS, NEW SARAWAK TRIBUNE -10<br>11 YOUNG ENTREPRENEURS RECEIVE MARDI GRANTS, NEWS, NEW SARAWAK TRIBUNE -10 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 29.<br><br>30. | TANJUNG LUMPUR JADI KAMPUNG NELAYAN MODEN, SINAR NEGERI PAHANG. SH -31<br>TUKAR SEGERA TANAMAN KETUM, NASIONAL, BH -17 | LAIN-LAIN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/11/2019 | WILAYAH KU | BICARA EKSKLUSIF | 6 |

# Masa depan makanan negara

**MUKADDIMAH**

**JIKA** diimbas kembali kepada sejarah, Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) pertama kali disambut pada 6 Ogos 1975 di pekarangan Bangunan Parlimen.

Ini bermakna lebih empat dekad ia diadakan sekali gus menampilkan pelbagai perubahan dan pencapaian dalam bidang pertanian di negara ini.

Sepanjang tempoh itu, negara menyaksikan betapa pentingnya bidang pertanian terutama dalam memastikan keselamatan makanan negara terus terjamin.

Malah apa yang lebih penting ialah sejauh mana pemain industri tersebut dapat menguasai pemodenan dan teknologi dalam bidang pertanian.

Ikuti temu bual Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, **DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB** bersama *Wilayahku* mengenai sambutan HPPNK 2019 yang bakal diadakan di Angsana Johor Bahru Mall, Johor.

**WILAYAHKU: Boleh ceritakan serba sedikit mengenai HPPNK 2019?**

**SALAHUDDIN:** Pada kali ini, HPPNK 2019 diadakan di Padang A dan B, Angsana Johor Bahru Mall bermula pada 28 November hingga 1 Disember 2019.

Setiap tahun sambutan HPPNK diadakan sebagai tanda kerajaan menghargai sumbangan peladang, penternak dan nelayan yang menjadi penyumbang utama makanan di negara ini.

HPPNK merupakan salah satu platform kepada peladang, penternak dan nelayan untuk mengetengahkan hasil-hasil pertanian dan teknologi terkini serta membuka peluang perniagaan kepada mereka yang berminat dengan sektor pertanian.

Acara ini menghimpunkan segala hasil dan bahan pertanian yang terbaik dari seluruh negara. HPPNK tahun ini dijangka mendapat sambutan dengan beberapa tarikan baharu yang akan saya ceritakan.

**Apakah antara tarikan yang ada di HPPNK 2019 nanti?**

**SALAHUDDIN:** Penganjuran HPPNK kali ini diadakan di Johor juga bersempena Tahun Melawat Johor 2020. Kita mendapat kerjasama baik daripada pihak kerajaan negeri. Johor Bahru merupakan bandar raya kedua terbesar dan pusat perniagaan dan perdagangan di Malaysia.

Johor Bahru merupakan sebuah pusat perindustrian, perdagangan, dan pelancongan yang utama.

Pelancongan menjadi penyumbang yang besar dalam ekonomi Johor Bahru yang mana 60 peratus daripada pelancong yang melawat Malaysia setiap tahun berkunjung melalui Singapura dan Indonesia.

HPPNK pada kali ini menyasarkan semua lapisan masyarakat peladang di seluruh negara terutamanya dari seluruh negeri Johor.

Expo ini juga dijangka menarik pengunjung dari negara jiran seperti Singapura dan Indonesia serta seluruh Malaysia. Ini adalah disebabkan Johor merupakan pintu masuk utama pengunjung dari kedua-dua negara berkenaan.

Pada kali ini, Angsana Johor Bahru Mall menjadi pilihan untuk diadakan HPPNK kerana lokasinya yang strategik dan menjadi tumpuan para pengunjung di sekitar Johor Bahru. Kami percaya HPPNK kali ini mampu menarik ramai pengunjung dengan melihat kejayaan program-program yang pernah dianjurkan di tapak padang ini.

Di tapak ini, kita akan bangunkan *marqueetent* besar yang akan memuatkan sebanyak enam aktiviti utama di bawah HPPNK 2019 iaitu; Makanan dan Minuman; Gaya Hidup; Kesejahteraan; Hasil Pertanian; Agro Teknologi dan Pembangunan Modal Insan.

Enam aktiviti tersebut mengetengahkan 15 komponen iaitu Pertandingan HPPNK dan Konvensyen; Showcase Agro Teknologi; Mekanisasi dan Automasi; Agro Pelancongan; Agro Kulinari; Agro Belia; Empayar Makanan; Jualan Segar; MySeafood; Forum Perdana Ehwal Islam; Budaya dan Seni Tani; Kenduri Rakyat Nasi Ambeng; Hasil Pertanian serta Perikanan dan Ternakan.

Seperti acara HPPNK sebelum ini, kehadiran pengunjung dijangka seramai 500,000 orang sepanjang empat hari acara berlangsung dan bakal menjana transaksi sebanyak RM30 juta.

HPPNK sinonim dengan ekspo pameran dan jualan kedua terbesar di Malaysia selepas Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show (MAHA).

Pengunjung boleh menikmati pengisian aktiviti dan pengalaman pertanian di lapan ruang tapak utama iaitu Pentas Budaya dan Seni Tani, Laman Mekanisasi, Laman Ternakan, Laman Perikanan, Laman Jualan Segar, Laman Empayar Makanan, Pameran Jabatan/Agensi dan Swasta, Pemasaran Produk Industri Asas Tani.

Selain itu, di HPPNK terdapat 13 pavilion negeri yang masing-masing mempunyai reka bentuk yang unik. Pavilion-pavilion negeri yang dijangka menampilkan ciri-ciri negeri-negeri di Malaysia termasuk produk, makanan, kebudayaan dan lain-lain boleh dinikmati oleh pengunjung.

Satu lagi tarikan yang sentiasa popular dalam kalangan pengunjung adalah jualan bahan-bahan pertanian dan makanan antaranya ialah produk-produk industri asas tani, buah-buahan dan sayuran segar, anak pokok dan bunga-bungaan, ikan, makanan laut segar serta kerang-kerangan.

Berita baik bagi rakyat Johor di mana Forum Perdana Ehwal Islam akan disiarkan secara langsung buat julung-julung kalinya dari tapak HPPNK 2019 di Angsana Johor Bahru Mall pada malam pertama HPPNK 2019 iaitu pada 28 November 2019.

Forum dibawakan khas oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Agro-Bank bersama-sama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), RTM, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ).



Istimewanya Forum Perdana kali ini dibicarakan oleh panel yang berwibawa iaitu Ustaz Ahmad Badli Shah Alaudin, Ustaz Ghazali Ibrahim dan Mufti Negeri Johor, Datuk Yahya Ahmad manakala Mohd. Hariri Mat Daud sebagai moderator.

Bagi elemen baharu HPPNK kali ini, Malam Budaya dan Seni Tani bakal menampilkan persembahan kebudayaan seperti persembahan zapin, puisi, sajak, syair, teater *Menunggu Kata Dari Tuhan*, persembahan angklung, konsert artis jemputan yang akan kita bawakan pada malam kedua dan ketiga HPPNK 2019.

HPPNK sentiasa popular dengan jualan segar hasil pertanian, makanan dan minuman yang mana sebanyak 345 menu juadah popular akan dibawa. Kali ini menu yang dibawa bakal mengetengahkan menu etnik dari seluruh Malaysia. Ini kerana makanan menceritakan budaya dan warisan sesebuah bangsa.

Makanan menyatukan kita dan dengan makanan juga kita bersatu dengan 13 buah negeri bergabung dalam menonjolkan kepelbagaian rencah rasa dan budaya negeri dalam satu "Empayar Makanan" di HPPNK 2019.

Cita rasa masakan setiap negeri kaya dengan pelbagai masakan kampung yang amat menyelerakan malah menjadi resepi turun-temurun yang diwarisi sejadi zaman dahulu.

Sehubungan itu, Empayar Makanan HPPNK 2019 kali ini akan menonjolkan pelbagai menu etnik dan warisan dari setiap negeri di Malaysia.

Pameran jabatan, agensi dan swasta berasaskan pertanian juga tidak ketinggalan diadakan sepanjang tempoh empat hari tersebut. Pengisian menarik dalam booth-booth pameran seperti pelbagai demonstrasi masakan, barista, kelapa telur, umpan tiruan, dodol segera, penghasilan baja kompos dari hasil dapur, perangkap lalat buah, pocket talk, pameran dan pertandingan terrarium dan vivarium, simulator, happy hour, uji rasa, pertunjukan F&B seperti teh tarik, roti canai, latte art, pertunjukan agro kulinari seperti filetting show, ice carving, pertandingan beyblades, mewarna telur burung unta, kupas kerang, masakan dan pelancaran produk baharu.

**Bagaimanakah sambutan terhadap HPPNK 2019?**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/11/2019 | WILAYAH KU | BICARA EKSKLUSIF | 7 |

**SALAHUDDIN:** Kami amat gembira kerana sambutan pelbagai pihak terhadap HPPNK 2019 amat menggalakkan.

Rata-rata usahawan telah menghubungi kami untuk mendapatkan slot pameran dan jualan di tapak HPPNK. Sekurang-kurangnya 350 gerai jualan kita buka untuk disewa dalam kluster pemasaran produk sepanjang HPPNK nanti.

Produk-produk yang akan diketengahkan nanti akan disegmenkan melalui ciri-ciri seperti Ready To Eksport (RTE), nilai estetik, wellness, celebrity corner, produk kering, jualan segar dan basah, makanan dan minuman serta lain-lain lagi.

Booth-booth jualan juga telah dibuka untuk tempahan dan hingga ke hari ini, sebanyak 90 peratus booth jualan telah ditempah.

Masih terdapat kekosongan dan bagi mereka yang berminat mendapatkan tapak boleh menghubungi 03-8948 4699/ 016-2017 3452 atau emel *pemasaranprodukhppnk2019@gmail.com*.

Dari segi penyertaan orang ramai, saya yakin kita boleh mencapai sasaran 500,000 orang pengunjung.

Ini kerana HPPNK mempunyai jenama, tradisi dan pengikutnya sendiri. Mereka yang sebelum ini hadir ke HPPNK setiap kali diadakan sentiasa menantikan penganjuran HPPNK di sana.

HPPNK yang diadakan di lokasi negeri terpilih akan memperlihatkan pelbagai kelainan hasil pertanian termasuklah budaya-budaya yang dibawakan oleh negeri.

Saya percaya mereka akan terus datang tahun ini. Kali ini ke negeri Johor Darul Takzim.

Selain itu, seperti saya sebut tadi kita ada pelbagai tarikan baharu seperti Kenduri Rakyat Nasi Ambeng, Budaya dan Seni Tani serta Job Fair.

Saya percaya dengan semua ini, kita juga akan dapat juga menarik perhatian mereka yang selama ini bukan pengunjung tradisional HPPNK.

**Apakah tema HPPNK 2019 pada kali ini dan boleh dijelaskan maksud di sebalik tema tersebut?**

**SALAHUDDIN:** Pada tahun ini, kita masih mengekalkan tema 'Makanan Kita Masa Depan Kita'. Tema ini begitu sinonim serta relevan dengan dasar dan hala tuju kementerian yang telah didokumenkan melalui Hala Tuju Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019-2020.

Dokumen Hala Tuju ini dirangka berasaskan tiga dimensi sektor agromakanan iaitu keselamatan makanan negara *(food security and safety)*, pembangunan ekonomi luar bandar, serta pelaburan swasta dan perdagangan antarabangsa.

Hala tuju yang digariskan pada tempoh ini memberikan fokus untuk memperkukuh struktur dan amalan dalam tiga subsektor yang menghasilkan sumber makanan utama negara iaitu padi, ruminan dan perikanan. Namun, pada masa sama, pengeluaran pertanian dalam subsektor lain tidak diketepikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Dalam konteks makro, ia menggariskan kepentingan negara kita untuk mempertahankan kedaulatan makanan sebagai asas kekuatan negara.

Kesinambungan masa depan pengeluaran makanan pula bergantung kepada adanya generasi pelapis yang mempunyai kemahuan dan kemahiran untuk memastikan bidang pertanian dan industri asas tani terus maju dan mampu terus menegakkan kedaulatan negara.

> *"Makanan yang dihasilkan menentukan kesihatan gaya hidup rakyat. Makanan yang dihasilkan hari ini menentukan tahap kecergasan fizikal dan kecerdasan minda generasi akan datang*

**Mengapa makanan dan jaminan bekalan makanan penting kepada sesebuah negara?**

**SALAHUDDIN:** Sejarah telah mencatatkan sama ada pada waktu krisis mahupun aman, banyak negara yang mampu dilumpuhkan dan tergadai kedaulatannya hanya kerana ketidakcukupan makanan atau kebergantungannya kepada bekalan luar.

Pada waktu aman, makanan sering digunakan oleh sesebuah negara sebagai alat diplomatik strategik untuk mengembangkan sayapnya.

Ini dapat dilihat apabila berlaku bencana dan kecemasan, negara-negara tertentu contohnya Amerika Syarikat, United Kingdom dan Kesatuan Eropah akan pantas menghantar bantuan makanan, terpapar dengan bendera masing-masing sebagai isyarat kehadiran dan pengaruh mereka di pentas dunia.

Satu lagi contoh, walaupun beras bukan makanan ruji Amerika Syarikat (AS), ia adalah pengeksport beras kelima terbesar dunia, kerana ia mahu membekalkan beras kepada negara yang bergantung kepadanya.

Kebanyakan beras yang dieksport oleh AS mendapat subsidi kerajaan sekali gus menjadikannya amat murah di pasaran dunia. Oleh yang demikian, negara seperi Ghana, satu ketika dulu membuat keputusan untuk mengimport beras ini untuk memenuhi 70 peratus daripada keperluan rakyat mereka. Mereka tidak melabur dalam sektor pertanian hingga kualiti beras mereka dikatakan amat teruk, dan menjejaskan pendapatan petani.

Ketika waktu krisis atau konflik pula, sekali lagi sejarah mengajar kita akan kepentingan makanan sebagai senjata untuk melumpuhkan lawan. Kekuatan mana-mana negara bukan sahaja ditentukan dengan saiz bala tentera-nya, tetapi juga keupayaannya untuk mempertahankan bekalan makanan.

Malah jika rakyat sesebuah negara itu kebuluran, tidak perlu ada kuasa luar yang menyerang. Ledakan akan sendiri tercetus dari dalam.

Dalam jangka panjang pula, selain kecukupan makanan, kualiti makanan yang dihasilkan oleh negara juga penting.

Dalam hal ini, makanan memainkan peranan besar dalam pembangunan negara menerusi strategi nutrisi yang betul. Makanan yang dihasilkan menentukan kesihatan gaya hidup rakyat. Makanan yang dihasilkan hari ini menentukan tahap kecergasan fizikal dan kecerdasan minda generasi akan datang.

Sama ada kita mahu wujudkan generasi bijak ICT yang mampu menerajui ekonomi digital, mahupun kita mahu wujudkan generasi pemain bola sepak yang mampu membawa negara ke Piala Dunia, penghasilan makanan dan strategi nutrisi mampu beri kesan yang besar.

Inilah yang kita katakan sebagai kedaulatan makanan iaitu hak sesebuah negara itu untuk menentukan dan mengawal sumber dan penghasilan bahan-bahan makanannya sendiri, tanpa perlu bergantung kepada mana-mana pihak luar.

Kedaulatan makanan menjadi salah satu asas kepada kekuatan negara tersebut.

**Apakah konsep yang diketengahkan dalam HPPNK 2019?**

**SALAHUDDIN:** HPPNK 2019 turut mengetengahkan konsep Pemodenan Pertanian dan Teknologi dalam industri agromakanan negara. Melalui kecanggihan teknologi, lebih banyak produk pertanian dapat dihasilkan dengan lebih efektif dan secara tidak langsung ia dapat menerajui kedaulatan makanan negara sekali gus menjadikan negara mengamalkan pertanian moden sepenuhnya menjelang 2030.

Antara yang menarik bakal dipamerkan di HPPNK 2019 adalah dron yang boleh digunakan dalam sektor pertanian dan Internet of Things bagi menggalakkan industri pertanian Malaysia beralih kepada Internet-based Agriculture, menerusi penggunaan Teknologi Digital dan IR 4.0.

HPPNK 2019 turut mengetengahkan kepentingan pemodenan, teknologi dan inovasi pertanian dalam industri agromakanan negara.

Selain itu, konsep ini juga bertujuan untuk mewujudkan keyakinan masyarakat terhadap penyelidikan dan teknologi terkini dalam membangun dan meningkatkan industri pertanian negara.

Kali ini, HPPNK menyasarkan agar penduduk setempat dapat mengaplikasi segala teknologi pertanian yang diketengahkan untuk kegunaan pengeluaran hasil pertanian, juga tidak lupa untuk kemudahan dalam kehidupan seharian.

Bagi menyokong konsep ini, elemen teknologi dan kecanggihan inovasi pertanian kekal ditonjolkan di HPPNK 2019.

HPPNK 2019 dijangka menyediakan pelbagai ruang untuk perdagangan, pelaburan, kerjasama dan pemindahan teknologi di samping menjadi platform perkongsian idea untuk membangunkan import dan eksport pasaran sekaligus menjalin pakatan antarabangsa serta membina strategi untuk meningkatkan pasaran saingan.

**Apakah harapan bagi penganjuran HPPNK 2019?**

**SALAHUDDIN:** HPPNK 2019 yang melibatkan kerjasama antara Kerajaan Negeri Johor dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di mana Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebagai agensi pelaksana, bakal memberi peluang dan ruang kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan melalui ekspo yang berlangsung sama ada melalui pemerhatian dan pembelajaran dalam teknologi baharu pertanian, mencari ruang pasaran, mempamer serta mempromosi produk masing-masing.

Bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan LPP sendiri, saya merakamkan ucapan terima kasih atas komitmen kerajaan negeri terutamanya kepada Menteri Besar Johor, Datuk Dr. Sahruddin Jamal dan juga Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Johor, Tosrin Jarvanthi.

Penganjuran sambutan seperti ini diharap dapat menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian dan memberikan semangat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan kerana usaha ini boleh menjana pendapatan yang tinggi bagi mereka yang berkecimpung dalam bidang pertanian.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/11/2019 | WILAYAHKU | HPPNK 2019 | 5 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/11/2019 | SINAR HARIAN | HPPNK 2019 | 3 |



| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Lebih 50 peratus peruntukan mesra rakyat dibelanjakan untuk bidang pendidikan - Sim | | |
| MediaTitle | Bernama.com (www.bernama.com) | | |
| Date | 23 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 5 |
| Order Rank | 4 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,250 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,750 |

# Lebih 50 peratus peruntukan mesra rakyat dibelanjakan untuk bidang pendidikan -

GEORGE TOWN, 23 Nov -- Sebanyak 54.21 peratus peruntukan Program Mesra Rakyat dibelanjakan untuk bidang pendidikan yang merupakan intipati utama yang perlu didahulukan, kata Ahli Parlimen Bayan Baru Sim Tze Tzin.
Beliau berkata pendidikan menjadi keutama...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Lebih 50% peruntukan mesra rakyat dibelanjakan untuk pendidikan, kata Sim | | |
| MediaTitle | The Malaysian Insight (www.themalaysianinsight.com/bahasa) | | |
| Date | 23 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Lebih 50% peruntukan mesra rakyat dibelanjakan untuk pendidikan, kata Sim

Dikemas kini 5 minit yang lalu · Diterbitkan pada 23 Nov 2019 5:57PM · 0 Komen
SEBANYAK 54.21 peratus peruntukan Program Mesra Rakyat dibelanjakan untuk bidang pendidikan yang merupakan intipati utama yang perlu didahulukan, kata Ahli Parlimen Bayan Baru...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ban on import of pork, pork products from nations with ASF epidemic | | |
| MediaTitle | New Sarawak Tribune (www.newsarawaktribune.com.my) | | |
| Date | 23 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# Ban on import of pork, pork products from nations with ASF epidemic

SEPANG: Malaysia has imposed a temporary ban on the import of pork and pork products from countries suffering an epidemic of the African Swine Fever (ASF) disease, said Agriculture and Agro-Based Industry Deputy Minister Sim Tze Tzin.
He added that the b...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | No interference in awarding of contracts by Agriculture Ministry, says Sim | | |
| MediaTitle | Makkal Osai | | |
| Date | 23 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 28,000 |
| Page No | 6 | Readership | 180,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 172 cm² |
| Journalist | NULL | AdValue | RM 1,126 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,377 |



# குத்தகைகள் வழங்குவதில் தலையீடா? மறுக்கிறார் துணையமைச்சர்

கோலாலம்பூர், நவ. 23- அரசாங்கக் குத்தகைகளை வழங்குவதில் நாங்கள் எந்தத் தடையீடும் செய்தது கிடையாது என்று விவசாயம் விவசாயம் சார்ந்த துணையமைச்சர் சிம் ெஸ ஸின் கூறினார்.

நேற்று நாடாளுமன்ற மக்களவைக் கூட்டத்தின்போது 2020ஆம் ஆண்டுக்கான வரவுசெலவுத் திட்ட **அறிக்கை** தொடர்பாக விவாதம் நடைபெற்றது.

அப்போது ஆ**யர்** ஹீத்தாம் தொகுதிக்கான **தே.மு.**



உறுப்பினர் டத்தோ வீ கா சியோங் ஒரு கேள்வியை எழுப்பினார்.

தேசிய விவசாய கழகத்திற்கு 100 கோடி வெள்ளி மதிப்பிலான மூன்று குத்தகைகள் வழங்கப்பட்டிருக்கின்றன. இதில் விவசாய அமைச்சரும் துணையமைச்சரும் தலையிட்டு தங்களுக்கு வேண்டியவர்களுக்கு குத்தகைகளை வழங்க முன்வந்திருக்கின்றனர் என்று வீ கா சியோங் குற்றஞ்சாட்டினார்.

இந்தக் குத்தகைகளை நாங்கள் வழங்கவில்லை. இது நிதியமைச்சரகம் சம்பந்தப்பட்ட விவகாரம். இதில் எங்களுக்கு எந்தச் சம்பந்தமும் கிடையாது என்று சிம் தெரிவித்தார்.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/11/2019 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |



Sabtu, 23 November 2019
26 Rabiulawal 1441H
Tel: 1 300 22 6787
PP 414/10/2012 (030686)

Guna teknologi tinggi tarik minat generasi muda kerja 3D
Muka 6/7

Eksklusif

Wadah Pembaharuan
BH
BeritaHarian
Diterbit sejak 1957
www.bharian.com.my

Aedes bawa bakteria Wolbachia kurangkan kes denggi di Selangor
Muka 4

MANA BH BOLA?
MENANGI RM1,000 & TELEFON PINTAR SETIAP MINGGU
Dapatkan keratan di muka 61

62 BH 1957-2019 WADAH PEMBAHARUAN

*Isu kontrak berkaitan padi bernilai RM1.4 bilion*

# NAFAS jawab tuduhan Ka Siong

Tujuan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memohon projek berkaitan padi dibuat semula secara rundingan terus adalah bagi membela dan menjaga kebajikan 920,000 petani yang menjadi ahlinya. Ia tidak akan mampu bersaing dengan syarikat besar jika penganugerahan projek dilakukan secara tender terbuka. *Muka 8*

TRYKE sedia khidmat sewa e-skuter di 14 lokasi seluruh negara
Muka 12

Sindiket penipuan pelaburan dalam talian warga China di Melaka pula tumpas
Muka 13

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/11/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 8 |

*Isu kontrak berkaitan padi bernilai RM1.4 bilion*

# Bela nasib 920,000 ahli NAFAS

## Pertubuhan tak mampu bersaing dengan syarikat besar jika melalui tender terbuka

**Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Siti Sofia Md Nasir**
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penganugerahan pelbagai projek berkaitan padi secara rundingan terus kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang dilaksanakan kerajaan sejak 1980-an adalah bagi membela dan menjaga kebajikan 920,000 ahli yang memiliki saham dalam pertubuhan itu.

Pengerusi NAFAS, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, berkata pertubuhan itu tidak akan mampu bersaing dengan syarikat besar jika penganugerahan projek dilakukan secara tender terbuka.

Beliau berkata, proses tender terbuka hanya berlaku selepas Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menggantung operasi NAFAS pada 1 Jun tahun lalu susulan masalah serius tadbir urus.

Bagaimanapun, katanya, sebaik penggantungan berkenaan ditarik balik dan beliau dilantik sebagai Pengerusi Januari tahun ini, pihaknya memohon kepada kementerian supaya penganugerahan projek kembali kepada sistem lama iaitu rundingan terus kepada NAFAS.

"Kementerian pada dasarnya bersetuju dengan cadangan berkenaan kerana ia adalah amalan biasa yang dilaksanakan sebelum ini dan tidak bercanggah dengan undang-undang.

"Apa yang kami lakukan demi membela dan menjaga kebajikan 920,000 ahli yang mempunyai saham dalam pertubuhan serta memerlukan pembelaan untuk kepentingan jangka panjang. Kami tidak mampu memberikan dividen dan bantuan lain jika tiada perniagaan khususnya tender terus projek MOA.

"Jika diadakan secara tender terbuka sudah tentu ia membabitkan persaingan dengan syarikat besar dan kami tidak mampu bersaing dan tiada pilihan kecuali meminta kerajaan kembalikan kepada sistem sedia ada," katanya kepada *BH* ketika dihubungi semalam.

Beliau diminta mengulas dakwaan Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, pada sesi perbahasan di Dewan Rakyat kelmarin, bahawa berlaku salah guna kuasa susulan tindakan kerajaan membatalkan pemilihan tiga kontrak berkaitan padi melalui tender terbuka, membabitkan nilai lebih RM1 bilion.

Ia merangkumi dua projek pembekalan input pertanian sektor padi bernilai RM1.4 bilion serta membekal, penghantaran dan kerja pengkapuran membabitkan kontrak bernilai RM54.28 juta.

Ka Siong mendakwa kontrak pembekalan selama tiga tahun itu dibatalkan walaupun sudah diluluskan Lembaga Perolehan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzi, ketika menggulung perbahasan, berkata kerajaan tidak mencampuri urusan pemberian tender berkaitan MOA kepada mana-mana pihak.

Mengulas lanjut, Phahrolrazi berkata NAFAS tidak seharusnya diheret dalam isu berkenaan kerana apa yang mereka lakukan adalah amalan lama dan tidak bercanggah dengan undang-undang.

"Mungkin berlaku sedikit masalah apabila ada 'orang besar' dalam kementerian menggunakan semula sistem tender terbuka dan apabila kami mahu kembalikan kepada pemberian tender secara terus mereka mendakwa berlaku salah guna kuasa," katanya.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, menjelaskan beliau ada menulis surat kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bagi memohon penganugerahan projek berkaitan padi secara rundingan terus kepada NAFAS.

Salahuddin berkata, ia adalah sebahagian daripada proses selagi kontrak itu belum dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan.

"Ya saya tulis surat kepada PM, itu juga proses. Selagi kontrak ini belum dimuktamadkan, ia adalah mengikut peraturan. Yang bercakap itu tahu tetapi sengaja mahu buat isu dalam Parlimen," katanya pada sidang media di Majlis Sambutan 125 Tahun Jabatan Perikanan di Jabatan Perikanan Pulau Pinang di Balik Pulau, petang semalam.



***Salahuddin melawat ruang pameran** selepas merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-125 Jabatan Perikanan Pulau Pinang di Balik Pulau, semalam.*
[Foto Shahnaz Fazlie Shahrizal/BH]

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Tender: Ada pegawai sabotaj Salahuddin – Khalid | | |
| MediaTitle | Malaysia Gazette (malaysiagazette.com) | | |
| Date | 23 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# Tender: Ada pegawai sabotaj Salahuddin – Khalid

KUALA LUMPUR – Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad mendakwa terdapat cubaan sabotaj dalam kalangan pegawai Kementerian Pertanian dan Asas Tani dengan menganugerah dan membatalkan tender tanpa pengetahuan menterinya.
Beliau mengesyaki ada pega...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Isu tender NAFAS: Jangan semua perkara nak dipolitik | | |
| MediaTitle | Ismaweb (www.ismaweb.net) | | |
| Date | 23 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 8 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 750 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,250 |

# Isu tender NAFAS: Jangan semua perkara nak dipolitik

Patut tak jadi isu, sebab dalam bidang kuasa menteri yang dilulus PM
1. TERDAPAT tiga sistem pemberian tender yang biasa diamalkan oleh kerajaan iaitu secara terbuka, secara terpilih dan secara rundingan terus.2. Ketiga-tiga sistem ini boleh terdedah den...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
